Global Hayat

isma UK-EIRE

HAQQ INITIATIVE

Laporan Projek

MISI HAYAT SYAM

HAQQ Initiative x Global Hayat

3 - 13 September 2026
Lubnan & Syria



ISI KANDUNGAN

01	Objektif Misi	02
02	Nilai Teras Misi	02
03	Perjalanan Misi	03
04	Barisan Sukarelawan	04-06
05	Laporan Harian	07-24
06	Ringkasan Kewangan	25-26
07	Cadangan Penambahbaikan	27-28
08	Kalam Pengarah	29-30

OBJEKTIF

Projek HAQQ Initiative 2026 bertujuan untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada komuniti pelarian Palestin di Lubnan dan Syria, di samping memberikan pengalaman lapangan kepada mahasiswa dalam membina kemahiran kepimpinan dan kerjasama sepasukan serta meningkatkan kesedaran mahasiswa terhadap realiti isu kemanusiaan dan realiti kehidupan masyarakat pelarian.

NILAI TERAS

Nilai teras di dalam Projek HAQQ Initiative diterapkan melalui empat elemen utama yang menjadi panduan dalam pelaksanaan projek iaitu ***Hope, Aid, Quality*** dan ***Qalb***

H- *Hope* (Harapan):
Menyemai harapan kepada ummah melalui pembentukan individu yang prihatin dan berempati terhadap golongan yang memerlukan


A- *Aid* (Bantuan):
Menyediakan bantuan kemanusiaan dalam bentuk keperluan asas bagi meringankan beban keluarga yang terkesan

Q- *Quality* (Kualiti):
Meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat sasaran melalui sokongan berterusan, pendidikan dan usaha memperkasa komuniti

Q- *Qalb* (Hati):
Membentuk jiwa sukarelawan yang ikhlas, pemurah dan prihatin dalam membantu golongan yang memerlukan.

PERJALANAN MISI

10 hari,
8 Kem Pelarian di Syria dan Lubnan ,
5300 Penerima Manfaat



SYRIA

Kem Yarmouk
Kem Homs
Kem Asali

LUBNAN

Kem Burj Barajneh
Kem Rashidieh
Kem Ein El Hilweh
Kem Burj Chemali
Kem El Buss
Kem Shatila

200 Bantuan Beg Sekolah
600 Kotak Makanan
600 Makanan Panas
200 Makanan Panas bagi jamuan anak yatim

BARISAN SUKARELAWAN

Global Hayat, Malaysia

Global Hayat merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia dan komited dalam usaha kemanusiaan merentasi sempadan. Global Hayat berfokus kepada pembangunan mampan, kebajikan sosial, pendidikan, serta penghantaran bantuan terus kepada komuniti terjejas dan pelarian di rantau krisis seperti bumi Syam dan Palestin. Seramai 4 orang wakil daripada Global Hayat terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan Projek HAQQ Initiative 2026.



USTAZ FARHAN
Ketua Misi



USTAZ ISFAHMI
Isra Travel



ENCIK AMIRUDDIN
Unit Media



CIK NADIA
Unit Media

BARISAN SUKARELAWAN

HAQQ Initiative, United Kingdom

HAQQ Initiative melalui Humanitarian Fellowship di bawah Global Hayat melaksanakan Misi Hayat Syam, iaitu misi sulung yang menghimpunkan golongan profesional yang bekerja di United Kingdom dan mahasiswa Malaysia yang menuntut di United Kingdom untuk menyampaikan bantuan secara langsung kepada komuniti pelarian di Syria dan Lubnan.

Pasukan sukarelawan HAQQ Initiative terdiri daripada pelbagai latar belakang profesional dan akademik, termasuk perubatan, pergigian, perakaunan dan kewangan, sains data, sains bioperubatan, ekonomi, psikologi, sains marin serta bidang-bidang lain. Seramai 13 orang sukarelawan terlibat dalam menjayakan Projek HAQQ Initiative 2026 di Syria dan Lubnan, dengan 8 orang bertugas secara langsung di lapangan manakala 5 orang bertugas di luar lapangan.



DR. AZIZI ROSLI
Unit Perubatan



DR. RUZAINI
Unit Bantuan Perubatan



DR. FAIRUZ NAJIHAH
Unit Kesihatan Pergigian



MOHAMAD JASIM
Pengarah
University of Warwick



ALIA MAISARAH
Timbalan Pengarah
University of Manchester



NUR FARZANA IZZATI
Setiausaha
University of Sheffield



MUHAMMAD FARHAN
Biro Logistik
University of Manchester



NIK EMIRUL SYAFIQ
Biro Logistik
University of Warwick



INTAN ANISA
Biro Logistik
University of Sheffield



MUHAMMAD ISMAIL
Biro Penajaan
University of Warwick



DEAN JOHANESS AKMAL
Biro Penajaan
University of Southampton



QATRUN NADA
Biro Kutipan Dana
University of Sheffield



NUR FATIHAH
Biro Kutipan Dana
University of Southampton

LAPORAN HARIAN

3 September 2026



Pasukan **HAQQ Initiative** memulakan perjalanan ke bumi Syam dengan berlepas dari London ke Beirut, Lubnan. Pasukan ini terdiri daripada 3 orang penasihat dan 5 orang mahasiswa Malaysia yang sedang menuntut di United Kingdom. Perjalanan ini menjadi langkah pertama kami sebelum memulakan pelbagai aktiviti kemanusiaan bersama komuniti pelarian di Lubnan dan Syria.

Pasukan **Global Hayat** yang terdiri daripada 4 orang penasihat telah berlepas dari Malaysia ke Beirut, Lubnan, bagi pelaksanaan Misi Hayat Syam. Kehadiran pasukan ini melengkapkan kerjasama bersama HAQQ Initiative dalam menjayakan misi kemanusiaan bagi komuniti pelarian di Lubnan dan Syria.



Ketibaan kedua-dua pasukan dari Malaysia dan United Kingdom telah menandakan bermulanya kerjasama antara Global Hayat dan HAQQ Initiative bagi menjalankan misi kemanusiaan di Syria dan Lubnan dari 3 - 13 September 2026.

LAPORAN HARIAN

4 September 2026

Kem El Buss, Lubnan

Pasukan HAQQ Initiative telah memulakan misi kemanusiaan hari pertama dengan mengagihkan sebanyak **100 Kotak Makanan** yang mengandungi barangan makanan asas seperti beras, kekacang, minyak masak, gula dan pasta. Selain itu, sebanyak **50 Beg Sekolah** yang dilengkapi dengan buku nota, fail, kotak pensel, pensel warna dan alat tulis lain turut disampaikan kepada kanak-kanak di Kem El Buss.








Agihan Bantuan Kotak Makanan







Edaran Beg Sekolah

LAPORAN HARIAN

4 September 2026

Kem El Buss, Lubnan

Para sukarelawan juga berkesempatan melakukan **ziarah ringkas ke rumah anak yatim** tajaan Global Hayat. Ziarah ini menyedarkan kami tentang realiti kehidupan mereka terutamanya daripada segi keselamatan di kawasan kem pelarian serta kos kesihatan yang mahal.







Kem Rashidieh, Lubnan

Pek Makanan Panas yang dilengkapi dengan hidangan maklouba, pastri, susu, jus buah dan air mineral telah disediakan dan diedarkan kepada 300 keluarga di Kem Rashidieh. Setiap pek makanan yang kami edarkan dianggarkan mencukupi untuk hidangan 3 hingga 4 orang.







LAPORAN HARIAN

4 September 2026

Kem Rashidieh, Lubnan

Kami turut **menziarahi beberapa orang anak yatim** tajaan Global Hayat yang terletak di sekitar Kem Rashidieh.











LAPORAN HARIAN

4 September 2026

Kem Rashidieh, Lubnan

Kami turut meluangkan masa **bersama 100 orang anak yatim melalui jamuan makan tengah hari** yang disertai sesi pembacaan buku pertama HAQQ Initiative, *Seed of Hope*, hasil penulisan dan ilustrasi oleh Dr. Fairuz Najihah. Sesi ini memberi peluang kepada para mahasiswa terutamnya untuk berinteraksi dan menyantuni anak-anak yatim di sana, di samping berkongsi mesej harapan melalui penceritaan dan lukisan.







Kem Burj Chemali, Lubnan

Misi kemanusiaan hari pertama kami diakhiri dengan **menziarahi anak-anak yatim** di bawah tajaan Global Hayat. Peluang ini membuka mata kami tentang realiti kehidupan anak-anak yatim yang tinggal dan membesar di Kem Pelarian serta mengajar kami untuk sentiasa bersyukur dengan nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah SWT.







LAPORAN HARIAN

5 September 2026

Kem Burj Barajneh, Lubnan

25 beg sekolah telah diedarkan kepada anak-anak yatim di Kem Burj Barajneh yang bertujuan untuk membantu mereka dalam meneruskan sesi pembelajaran di kem pelarian.







Kami turut mengedarkan **50 Kotak Makanan** yang mempunyai keperluan makanan asas dianggarkan mencukupi selama 2 ke 3 minggu untuk sebuah keluarga.









Kami juga direzekikan untuk **menziarahi beberapa orang anak yatim** yang ditaja oleh Global Hayat. Anak-anak yatim ini berumur dalam lingkungan umur 9-15 tahun.

LAPORAN HARIAN

5 September 2026

Kem Shatila, Lubnan

Pasukan HAQQ Initiative telah mengedarkan **Bantuan Kotak Makanan** kepada 50 keluarga. Bantuan ini dilengkapi dengan keperluan makanan asas yang dianggarkan mencukupi untuk tempoh 2 ke 3 minggu.









Kami juga **menziarahi beberapa orang anak yatim** di bawah tajaan Global Hayat, yang menerima bantuan sebanyak $40 sebulan bagi menampung kos sara hidup dan keperluan pembelajaran mereka.







LAPORAN HARIAN

5 September 2026

Kem Ein El Hilweh, Lubnan

25 Beg Sekolah yang dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan persekolahan seperti buku nota, fail dan alat tulis telah diedarkan oleh para sukarelawan HAQQ Initiative kepada anak-anak di Kem Ein El Hilweh









Kami juga mengedarkan **Bantuan Kotak Makanan** yang diisi dengan keperluan makanan asas seperti beras, minyak, gula, tepung, pasta dan makanan di dalam tin kepada 50 keluarga.

Pasukan HAQQ Initiative turut berkesempatan mengadakan **ziarah ringkas anak yatim** yang berada di bawah tajaan Global Hayat sebelum bergerak ke Kem Shatila





LAPORAN HARIAN

6 September 2026

Ziarah Sejarah Lubnan

Kami telah direzekikan untuk menziarahi tanah perkuburan para syuhada Palestin **'Martyrs of Palestine'** di Beirut, Lubnan. Ziarah ini memberi ruang kepada kami untuk mengenang dan menghayati sejarah serta pengorbanan rakyat Palestin dalam mempertahankan tanah air mereka.







Kami turut melawat **kawasan Sabra dan Shatila**, lokasi berlakunya pembunuhan beramai-ramai pada tahun 1982 ketika pencerobohan Israel ke atas Lubnan yang mengorbankan ribuan nyawa pelarian Palestin. Lawatan ini menyedarkan kami tentang penderitaan berterusan rakyat Palestin yang terpaksa hidup jauh dari tanah air mereka
serta kepentingan memperjuangkan hak dan kebebasan mereka.





LAPORAN HARIAN

6 September 2026

Ziarah Sejarah Lubnan

Selain menjalankan misi kemanusiaan, kami berpeluang untuk melawat beberapa lokasi menarik di sekitar Lubnan melalui Lawatan '*Jejak Bumi Syam*' yang diuruskan oleh Isra Travel. Antara lokasi yang kami kunjungi ialah **Pigeon Rocks, Jeita Grotto, Byblos Old Harbour dan Masjid Sultan Abdul Majid**. Lawatan sejarah ini memberi peluang kepada kami untuk menikmati serta mempelajari warisan sejarah Lubnan, di samping menghayati kebesaran alam ciptaan Allah SWT.




Pigeon Rocks




Jeita Grotto



Byblos Old Harbour



Pemandangan matahari terbenam di Byblos Old Harbour





Masjid Sultan Abdul Majid

LAPORAN HARIAN

7 September 2026

Kem Asali, Syria

Sukarelawan HAQQ Initiative meneruskan misi kemanusiaan di Syria dengan mengagihkan sebanyak **300 Bantuan Kotak Makanan** dan **300 Pek Makanan Panas** kepada keluarga pelarian di Kem Yarmouk. Selain mengagihkan bantuan, kami juga berpeluang menyaksikan sendiri proses penyediaan dan pembungkusan Pek Makanan Panas sebelum diagihkan kepada semua penerima bantuan.











Bantuan Kotak Makanan

LAPORAN HARIAN

7 September 2026

Kem Yarmouk, Syria

Sukarelawan HAQQ Initiative meneruskan misi kemanusiaan di Syria. Sebanyak **300 Bantuan Kotak Makanan** dan **300 Pek Makanan Panas** telah diagihkan kepada keluarga pelarian di Kem Yarmouk. Selain mengagihkan bantuan, kami juga berpeluang menyaksikan sendiri proses penyediaan dan pembungkusan Pek Makanan Panas sebelum diagihkan kepada semua penerima bantuan.












Bantuan Kotak Makanan

LAPORAN HARIAN

7 September 2026

Kem Yarmouk, Syria











Pek Makanan Panas

LAPORAN HARIAN

8 September 2026

Ziarah Sejarah Syria

Kami tutur menziarahi beberapa lokasi bersejarah di sekitar Bosra, Syria di bawah pengurusan Isra Travel. Antaranya ialah **Bosra al-Syam**, sebuah kota purba yang terkenal dengan tinggalan bangunan bersejarah daripada zaman Nabatean, Rom, Byzantine dan Umayyah terutamanya teater Rom yang dibina pada abad kedua Masihi. Seterusnya, para sukarelawan juga melawat **Deir al-Rahib Bahira** iaitu lokasi bersejarah dimana Rahib Bahira dikatakan bertemu dan mengenali tanda-tanda kenabian pada Nabi Muhammad ﷺ ketika Baginda dalam perjalanan berdagang ke Syam. Kami turut menziarahi **Masjid al-Mabrak**, yang dikatakan menjadi tempat unta Baginda ﷺ berehat setelah tiba di Syam. Lawatan ini memberi peluang kepada para sukarelawan untuk mengenali warisan sejarah Islam dan mendalami kisah-kisah sirah Rasulullah ﷺ.



Bosra Al-Syam



Deir al-Rahib



Masjid al-Mabrak



Masjid al-Mabrak

LAPORAN HARIAN

8 September 2026

Kem Homs, Syria

Sukarelawan HAQQ Initiative turut **menyantuni 100 orang anak yatim** di bawah tajaan Global Hayat melalui jamuan makan yang disertai dengan pelbagai aktiviti permainan berkumpulan dan sesi pembacaan buku cerita *Seed of Hope*. Buku cerita dan mewarna tersebut telah menjadi medium untuk berkongsi mesej harapan melalui penceritaan yang dekat dengan dunia kanak-kanak. Selain itu, setiap anak yatim turut menerima hadiah berupa mainan seperti anak patung, kereta mainan, botol air dan gula-gula kapas. Aktiviti ini memberi peluang kepada sukarelawan HAQQ Initiative untuk berinteraksi dengan lebih dekat, meluangkan masa bersama dan menceriakan anak-anak yatim serta mencipta kenangan manis sepanjang misi kemanusiaan ini berlangsung.













LAPORAN HARIAN

9 September 2026

Kem Homs, Syria

Misi HAQQ Initiative diteruskan pada hari ke-6 di Kem Homs. Para sukarelawan telah mengedarkan sebanyak **100 Beg Sekolah** kepada kanak-kanak di Kem Homs. Bantuan ini bertujuan meringankan beban kewangan keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan bagi sesi baharu yang bakal bermula.







Kami juga **menziarahi seorang anak yatim** yang ditaja oleh Global Hayat di Kem Homs. Ini merupakan ziarah anak yatim yang terakhir dijadualkan dalam misi HAQQ Initiative di Lubnan dan Syria.





LAPORAN HARIAN

9 September 2026

Ziarah Sejarah Syria



Dibawah pengurusan Isra Travel, Sukarelawan HAQQ Initiative berpeluang untuk menunaikan solat di **Masjid Khalid Al-Walid**, Homs serta menziarahi Makam Khalid Al-Walid dan anaknya yang dimakamkan di dalam masjid tersebut

Sukarelawan HAQQ Initiative turut berpeluang menikmati keindahan alam ciptaan Allah SWT di **Burj Islam**, Latakia, Syria. Kawasan pesisir ini bukan sahaja terkenal dengan keindahan pantainya, malah mempunyai nilai sejarah melalui menara pengawal pesisir semasa zaman pertengahan.







LAPORAN HARIAN

10 September 2026

Ziarah Sejarah Syria

Pasukan HAQQ Initiative turut berpeluang menziarahi **Masjid Umayyah Besar Aleppo** yang terletak di kawasan Kota Lama Aleppo. Masjid bersejarah ini merupakan antara mercu tanda penting yang mencerminkan warisan seni bina dan sejarah Islam di Syria. Masjid ini turut menempatkan makam yang dipercayai merupakan makam Nabi Zakaria AS.





LAPORAN HARIAN

11 September 2026

Ziarah Sejarah Syria

Ziarah Sejarah Syria yang diuruskan oleh Isra Travel untuk Pasukan HAQQ Initiative diteruskan dengan lawatan ke **Citadel Aleppo**, sebuah kubu bersejarah yang menempatakn pelbagai tinggalan struktur lama seperti masjid, sekolah, teater dan kedai. Kedudukannya yang strategik di kawasan tinggi menjadikan kubu ini penting dalam pertahanan kota serta pemantauan pergerakan musuh. Tinggalan bersejarah ini mencerminkan kehebatan seni bina dan strategi pertahanan masyarakat Islam pada zaman dahulu.









LAPORAN HARIAN

12 September 2026

Ziarah Sejarah Syria

Sebelum mengakhiri misi HAQQ Initiative di Syria, pihak Isra Travel telah mengatur lawatan ziarah terakhir buat para sukarelawan. Selepas itu, kami akan meneruskan perjalanan ke Lubnan sebelum pulang ke Malaysia dan United Kingdom.

Kami berpeluang menziarahi **Makam Sallahuddin Al-Ayubi** tokoh Islam yang terkenal dengan kepimpinan dan perjuangannya dalam sejarah Islam. Makam beliau terletak bersebelahan Masjid Umayyah Besar di Damsyik. Selepas menziarahi makam tersebut, para sukarelawan mengambil peluang untuk menunaikan solat sunat di dalam masjid bersejarah itu.









Kami juga dapat melihat dari jauh **Istana Presiden Syria (Syrian Presidential Palace)** yang terletak di kawasan Gunung Mezzeh, Damsyik. Istana ini pernah menjadi kediaman rasmi Bashar al-Assad depanjang tempoh pemeritahannya sebelum mereka digulingkan pada Disember 2024.

LAPORAN HARIAN

12 September 2026

Ziarah Sejarah Syria

Lawatan terakhir pasukan HAQQ Initiative di Syria membawa kami ke **Bukit Qasioun**, sebuah kawasan yang menawarkan pemandangan kota Damsyik dari aras tinggi. Kawasan ini difahamkan sedang dibangunkan untuk menjadi pusat peranginan bagi menyokong sektor pelancongan di Syria.



LAPORAN HARIAN

13 September 2026

Pergerakan Pulang

Pasukan **HAQQ Initiative** dan **Global Hayat** berlepas dari Lubnan menuju ke United Kingdom dan Malaysia. Perlepasan kedua-dua pasukan ini menandakan berakhirnya Misi Hayat Syam di Syria dan Lubnan yang berlangsung selama 10 hari, dari **3 hingga 13 September 2026.**

Kami berharap agar segala usaha dan sumbangan yang telah dilaksanakan sepanjang misi ini diterima dan diberkati oleh Allah SWT, serta memberi manfaat kepada komuniti yang menerima bantuan.







RINGKASAN KEWANGAN

KUTIPAN	PERKARA	NILAI (£)
FUNDRAISING	Manchester	383.70
	Sheffield	866.30
	Southampton	200.34
	3 Peak Challenge	1,270.00
	Cycle to Paris	3,019.00
ORGANISASI	R&R Isma Eropah	500.00
SUMBANGAN AWAM	United Kingdom	2852.66
	Malaysia	908.00
JUMLAH KUTIPAN HAQQ INITIATIVE		10,000.00
JUMLAH KUTIPAN GLOBAL HAYAT		30,000.00
PERUNTUKAN BANTUAN MISI HAYAT SYAM		40,000.00

RINGKASAN KEWANGAN

PERBELANJAAN	PAX	NILAI (£)	JUMLAH
KOTAK MAKANAN	600	30	18,000.00
PEK MAKANAN PANAS	600	15	9,000.00
BEG SEKOLAH & ALATAN	200	35	7,000.00
ZIARAH ANAK YATIM TAJAAN GH	21	28.50	598.50
JAMUAN 100 ANAK YATIM	2	2700	5,401.50
JUMLAH			40,000.00

Perbelanjaan pengurusan peserta misi berjumlah £1000.00/seorang ditanggung sepenuhnya oleh para sukarelawan bagi tujan penginapan, pengangkutan, makanan dan kos lawatan bersejarah.

Dana berjumlah £10,000 yang dikumpulkan melalui HAQQ Initiative, termasuk modal *start-up* dari ISMA Eropah (Rujuk Jadual 1) digunakan secara langsung bagi perbelanjaan bantuan yang diedarkan sepanjang projek.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

1. Kemahiran dan Komunikasi

Penguasaan Bahasa Arab	Menyediakan kelas Bahasa Arab agar para sukarelawan dapat berinteraksi dan berkomunikasi secara terus dengan penduduk
Peranan Mahasiswa	Sukarelawan pelajar boleh diberi peranan sebagai Pengerusi Majlis (MC) di rumah anak yatim semasa jamuan makan bersama mereka

2. Pengurusan dan Operasi Misi

Menukar Platform Sumbangan	Menggunakan platform alternatif seperti Revolut Pocket dengan pemantauan dari para penasihat berikutan beberapa isu berkait dengan platform sedia ada seperti Launchgood dan Gofundme
Hubungan bersama NGO tempatan	Menyediakan cenderahati rasmi sebagai tanda penghargaan kepada NGO tempatan yang membantu pelaksanaan projek iaitu HARD & URDA
Ketepatan Masa	Meningkatkan pengurusan masa sepanjang misi
Peranan Mahasiswa	Mengemaskini pengurusan kerja agar lebih teratur dan sistematik. Pasukan HAQQ Initiative perlu menjadi lebih proaktif di misi akan datang

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

3. Media and Awareness

Peranan Aktif Peserta	Peserta misi perlu lebih aktif menyebarkan kesedaran di media sosial peribadi
Penguasaan Platform Sosial Media	Mahasiswa perlu menguasai platform moden seperti TikTok, Instagram dan Threads untuk mengemas kini perkembangan misi di lapangan secara berterusan
Bahan Edaran	Menyediakan lebih banyak cenderahati kecil dan buku mewarna seperti *"Seed of Hope" untuk diberikan kepada anak-anak yatim semasa melawat mereka*

4. Projek Berimpak Panjang dan Wakaf

Tajaan Anak Yatim	Perlu diperkenalkan dan diperluaskan dalam kalangan penduduk Malaysia di United Kingdom
Penyediaan Solar Panel	Cadangan kutipan dana untuk pelaksanaan projek panel solar sebagai bekalan tenaga di kawasan Kem Pelarian
Projek Fizikal Besar	Peluang untuk membina dan mewujudkan lebih banyak infrastruktur komuniti seperti padang, dapur amal dan klinik bantuan

KALAM PENGARAH

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Alhamdulillahi Rabbil ‘Alamin. Segala puji bagi Allah SWT yang mengizinkan kita menjejakkan kaki ke bumi Syam, menyaksikan ujian yang menimpa saudara-saudara seagama serta menggalas amanah kemanusiaan ini, khususnya sebagai mahasiswa di perantauan

Misi Hayat Syam telah melabuhkan tirai dengan seramai **5,300 pelarian** Palestin di **Syria** dan **Lubnan** menerima manfaat secara langsung menerusi pengagihan **600** Bantuan Kotak Makanan, **600** Pek Makanan Panas, **200** Bantuan Awal Persekolahan, jamuan bersama **200** orang anak yatim serta menziarahi dan menyantuni **21** orang anak yatim, Di sebalik angka ini, tersimpan kisah kehidupan, kesabaran dan harapan yang tidak seharusnya kita lupakan.

Misi ini bukan sekadar menyampaikan bantuan, tetapi menjadi medan perjalanan untuk belajar, menyaksikan, dan memikul amanah agar kisah mereka terus hidup subur melalui perkongsian, kesedaran dan tindakan yang kita bawa pulang ke United Kingdom mahupun ke tanah air. Semoga setiap langkah menjadi saksi di hadapan Ilahi bahawa kita pernah memilih untuk bersama mereka, walau dengan kudrat yang terbatas.

Rasulullah SAW bersabda:
“**Apabila penduduk Syam telah rosak, maka tiada lagi kebaikan pada kamu. Akan sentiasa ada satu golongan daripada umatku yang mendapat pertolongan Allah; mereka tidak akan dimudaratkan oleh orang yang menentang mereka sehingga datangnya ketetapan Allah**”
(Riwayat al-Tirmizi, no. 2192; dinilai sahih oleh al-Albani).

Hadis ini mengingatkan kita akan kedudukan istimewa bumi Syam dalam sejarah umat Islam. Semoga Allah menetapkan hati kita untuk terus bersama perjuangan yang benar, mempertahankan nilai kemanusiaan dan tidak berpaling daripada saudara-saudara yang dizalimi.

KALAM PENGARAH

Setinggi-tinggi penghargaan ana rakamkan kepada **Global Hayat Malaysia** atas kesudian menjadi rakan kolaborasi sepanjang misi ini. Pengalaman, bimbingan dan kepakaran pihak Global Hayat menjadi tunjang utama yang memungkinkan misi ini terlaksana. Semoga kerjasama ini menjadi permulaan kepada lebih banyak usaha kebajikan bersama.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada seluruh keluarga **HAQQ Initiative**, sama ada yang turun ke lapangan mahupun yang berjuang di belakang tabir. Segala usaha, daripada aktiviti fundraising, penganjuran **Cycle to Paris**, **Three-Peak Challenge**, sumbangan keluarga serta kenalan, hinggalah penerbitan **7 siri Ibrah Bumi Syam** telah menggerakkan dan melengkapkan misi ini.

Sebagai pengarah projek, ana memohon maaf atas segala kekurangan sepanjang mengemudi misi ini. Segala yang baik datang daripada Allah SWT, manakala segala kekurangan adalah daripada kelemahan diri ana sendiri.

Akhirul kalam, ana berdoa agar Allah SWT menerima setiap amal dan pengorbanan kita sebagai ibadah yang diberkati. Semoga HAQQ Initiative diberi ruang untuk terus berkembang serta membuka peluang kepada mahasiswa Malaysia di United Kingdom untuk terlibat dalam misi kemanusiaan secara langsung mahupun melalui usaha advokasi dan kesedaran. Semoga Allah mengurniakan kita istiqamah untuk terus thabat di atas jalan kebenaran, dan menjadikan usaha-usaha kecil kita sebahagian daripada asbab pembebasan bumi Syam, khususnya Palestin. Sesungguhnya janji Allah itu benar.

وَلِيَ التَّوْفِيقُ بِاللَّهِ



Mohamad Jasim Bin Abdul Aziz
Pengarah Projek

BSc Economics, Psychology & Philosophy, University of Warwick

Global Hayat

isma UK-EIRE

HAQQ INITIATIVE



Laporan disediakan oleh **Alia Maisarah binti Hamdan**
Dr Fairuz Najihah binti Kamaruddin

Laporan disemak oleh **Ustaz Muhd Farhan bin Muhd Fadhil**